



KEMENTERIAN DIGITAL



# **GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

## **PEMBUATAN KEPUTUSAN SECARA AUTOMATIK DAN PEMPROFILAN (ADMP)**

Versi 1.0

Tarikh Terbitan: 30 April 2026



***Hak Cipta Terpelihara***  
***(Jabatan Perlindungan Data Peribadi, 2026)***

Tiada mana-mana bahagian penerbitan ini boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan daripada pihak Jabatan Perlindungan Data Peribadi.

Alamat:

JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI  
Aras 8, Galeria PjH, Jalan P4W, Persiaran Perdana  
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62100 Putrajaya, Malaysia



## ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
<b>BAHAGIAN A: PENGENALAN</b>		<b>3</b>
1.	Latar Belakang	3
2.	Peruntukan Undang-Undang	4
3.	Tafsiran	4
<b>BAHAGIAN B: PENGENALAN KEPADA PEMBUATAN KEPUTUSAN SECARA AUTOMATIK DAN PEMPROFILAN</b>		<b>4</b>
4.	Pengenalan kepada Pembuatan Keputusan Secara Automatik dan Pemprofilan	4
<b>BAHAGIAN C: PELAKSANAAN PEMBUATAN KEPUTUSAN SECARA AUTOMATIK DAN PEMPROFILAN</b>		<b>7</b>
5.	Peranan Pegawai Perlindungan Data dalam ADMP	7
6.	Hubungan antara ADMP dan DPIA	7
7.	Kebolehgunaan Garis Panduan	9
<b>BAHAGIAN D: PANDUAN UMUM BERKAITAN PEMBUATAN KEPUTUSAN SECARA AUTOMATIK DAN PEMPROFILAN</b>		<b>12</b>
8.	ADM and Pemprofilan yang melibatkan Data Peribadi Sensitif	12
9.	Pematuhan Prinsip Perlindungan Data Peribadi dan Hak Subjek Data di bawah Akta 709	13
<b>BAHAGIAN E: PENERIMAGUNAAN KECERDASAN BUATAN DALAM PEMBUATAN KEPUTUSAN SECARA AUTOMATIK DAN PEMPROFILAN</b>		<b>16</b>
10.	Kecerdasan Buatan	16

## BAHAGIAN A: PENGENALAN

### 1. Latar Belakang

- 1.1 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**Akta 709**") pada masa ini tidak mempunyai peruntukan khusus bagi mengawal selia atau menangani konsep Pembuatan Keputusan Secara Automatik dan Pemprofilan ("**ADMP**"). Namun begitu, sebarang aktiviti pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial, termasuk pemprosesan yang melibatkan ADMP, hendaklah mematuhi peruntukan di bawah Akta 709, khususnya Prinsip Perlindungan Data Peribadi.
- 1.2 Garis Panduan ADMP ini ("**Garis Panduan**") menyediakan panduan mengenai pengenalan serta keperluan pelaksanaan ADMP. Ia mengguna pakai pendekatan yang seimbang bagi membantu pengawal data dan pemproses data dalam melindungi data peribadi subjek data sambil melaksanakan teknologi inovatif dalam aktiviti perniagaan mereka.
- 1.3 Sekiranya sesebuah organisasi melaksanakan ADMP, Pegawai Perlindungan Data ("**DPO**") hendaklah dilibatkan pada peringkat seawal mungkin. Penglibatan tersebut hendaklah dimulakan dengan pelaksanaan Penilaian Impak Perlindungan Data ("**DPIA**") bagi memastikan pematuhan terhadap keperluan perlindungan data peribadi.
- 1.4 Garis Panduan ini melengkap dan hendaklah dibaca bersama Akta 709 serta mana-mana instrumen perundangan lain yang berkaitan yang dikeluarkan di bawahnya, sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa. Garis Panduan ini tidak boleh ditafsirkan sebagai mengatasi mana-mana undang-undang atau peraturan berkaitan perlindungan data peribadi lain yang berkuat kuasa.
- 1.5 Sila ambil perhatian bahawa contoh-contoh yang disediakan dalam Garis Panduan ini adalah bagi tujuan ilustrasi sahaja dan tidak bertujuan untuk merangkumi semua keadaan atau situasi.

## 2. Peruntukan Undang-Undang

- 2.1 Garis Panduan ini dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi ("**Pesuruhjaya**") selaras dengan fungsi Pesuruhjaya di bawah subseksyen 48(g) Akta 709.

## 3. Tafsiran

- 3.1 Melainkan ditakrifkan sebaliknya dalam Garis Panduan ini, istilah dan ungkapan yang digunakan di sini hendaklah mempunyai makna yang sama sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta 709 dan mana-mana instrumen perundangan lain yang berkaitan yang dikeluarkan di bawahnya.

- 3.2 Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki maksud yang lain:

**"Pembuatan keputusan secara automatik" atau "ADM"** bermaksud suatu proses membuat keputusan tanpa sebarang penglibatan manusia melalui kaedah automatik sepenuhnya atau sebahagiannya.

**"Pemprofilan"** bermaksud apa-apa bentuk pemprosesan automatik data peribadi yang melibatkan penggunaan data peribadi untuk menilai aspek peribadi tertentu berkaitan subjek data, khususnya untuk menganalisis atau meramal aspek mengenai prestasi kerja, kedudukan ekonomi, kesihatan, keutamaan peribadi, minat, kebolehpercayaan, tingkah laku, lokasi atau pergerakan subjek data tersebut.

## BAHAGIAN B: PENGENALAN KEPADA PEMBUATAN KEPUTUSAN SECARA AUTOMATIK DAN PEMPROFILAN

### 4. Pengenalan kepada Pembuatan Keputusan Secara Automatik dan Pemprofilan

- 4.1 ADM bermaksud proses membuat keputusan tanpa sebarang penglibatan manusia

melalui kaedah automatik sepenuhnya atau sebahagiannya. “Tanpa penglibatan manusia” juga merangkumi keadaan di mana penglibatan manusia adalah minimum. Dalam keadaan sedemikian, sesuatu proses masih dianggap sebagai ADM sekiranya manusia sekadar memasukkan data untuk diproses, manakala proses membuat keputusan seterusnya dilaksanakan oleh sistem automatik.

4.2 Pemprofilan bermaksud apa-apa bentuk pemprosesan automatik data peribadi yang melibatkan penggunaan data peribadi untuk menilai aspek peribadi tertentu berkaitan dengan subjek data, khususnya bagi menganalisis atau meramal aspek mengenai subjek data tersebut. Dua (2) elemen dalam pemprofilan membezakan proses ini daripada pengkategorian data atau analisis trend:

- (a) **elemen ramalan:** data peribadi digunakan untuk meramal atau menjana maklumat baharu berkaitan ciri-ciri peribadi subjek data; dan/atau
- (b) **elemen inferens:** generalisasi terhadap populasi berdasarkan data daripada sampel subjek data.

**Contoh:**

- (i) Sebuah institusi kewangan menggunakan sistem automatik sepenuhnya bagi menilai permohonan pinjaman dengan menjana skor kebarangkalian yang mewakili kelayakan kredit pemohon berdasarkan data peribadi termasuk pendapatan, sejarah pekerjaan, rekod pembayaran balik, umur, alamat kediaman serta data tingkah laku seperti corak perbelanjaan serta jejak digital. Permohonan yang berada di bawah ambang yang telah ditetapkan akan ditolak secara automatik tanpa semakan manusia.

ADM: Menentukan kelayakan bagi produk perkhidmatan kewangan.

Pemprofilan: Meramal dan membuat inferens terhadap keadaan ekonomi serta kebolehpercayaan kewangan pemohon.

- (ii) Sebuah syarikat e-dagang memantau tingkah laku dalam talian subjek data (contoh: aktiviti melayari, kekerapan pembelian bagi kategori tertentu) dan menghasilkan profil berkaitan minat dan keutamaan yang diramalkan bagi individu tersebut. Profil ini digunakan bagi menentukan jenis produk yang

akan dipasarkan kepada subjek data dan/atau menentukan kelayakan subjek data tersebut bagi kadar diskaun tertentu.

ADM: Menentukan kelayakan subjek data bagi kadar diskaun tertentu.

Pemprofilan: Meramal dan membuat inferens terhadap minat dan keutamaan bakal pembeli.

- (iii) Bahagian sumber manusia sesebuah syarikat menggunakan algoritma automatik untuk memproses data peribadi bagi tujuan memilih calon untuk sesi temu duga fizikal. Berdasarkan penilaian automatik ini, algoritma tersebut menyusun kedudukan dan menyenarai pendek calon untuk temu duga.

ADM: Menentukan kelayakan calon untuk temu duga menggunakan algoritma.

Pemprofilan: Meramalkan dan membuat inferens terhadap kesesuaian calon serta potensi prestasi kerja bagi sesuatu jawatan.

- (iv) Sebuah institusi penjagaan kesihatan menggunakan pakai sistem pembelajaran mesin bagi menentukan status kesihatan pesakit atau kebarangkalian kejayaan sesuatu rawatan bagi pesakit tertentu berdasarkan ciri-ciri kumpulan tertentu (contoh: umur, sejarah perubatan dan gaya hidup).

ADM: Menentukan status kesihatan pesakit atau kebarangkalian kejayaan sesuatu rawatan.

Pemprofilan: Meramal dan membuat inferens terhadap kebarangkalian kejayaan sesuatu rawatan berdasarkan ciri-ciri peribadi (contoh: umur, sejarah perubatan dan gaya hidup).


## **BAHAGIAN C: APLIKASI PEMBUATAN KEPUTUSAN SECARA AUTOMATIK DAN PEMPROFILAN**

### **5. Peranan Pegawai Perlindungan Data dalam ADMP**

- 5.1 Sekiranya sesebuah organisasi mengenal pasti keperluan untuk memulakan pelaksanaan ADM dan pemprofilan, DPO hendaklah mempunyai tanggungjawab khusus dalam memantau sistem ADMP. Tanggungjawab ini termasuk menyokong pelaksanaan DPIA (sila rujuk perenggan 6.0 bagi memahami hubungan antara ADMP dan DPIA) serta bertindak sebagai fasilitator dan pegawai perhubungan antara subjek data dengan pengawal data atau pemproses data berhubung dengan pemprosesan data peribadi serta pelaksanaan hak-hak yang berkaitan.

### **6. Hubungan antara ADMP dan DPIA**

- 6.1 ADMP merupakan salah satu faktor kualitatif yang mencetuskan keperluan untuk melaksanakan DPIA, tanpa mengambil kira sifat atau tahap penggunaan ADMP yang dirancang. Sehubungan itu, DPO hendaklah memastikan DPIA dilaksanakan bagi mana-mana pemprosesan yang dirancang yang melibatkan elemen ADMP. Sila rujuk carta alir di bawah:



## 7. Kebolegunaan Garis Panduan

7.1 Garis panduan ini mungkin tidak terpakai bagi semua aktiviti ADMP. Sehubungan itu, DPO dikehendaki untuk **menggunakan pertimbangan terbaik mereka** semasa menilai sama ada ambang ADMP dipenuhi berkaitan dengan mana-mana pemprosesan yang dirancang dalam pemakaian Garis Panduan ini. Ambang ADMP ini dipenuhi sekiranya hasil daripada proses ADMP tersebut boleh:

7.1.1 mendatangkan kesan perundangan terhadap subjek data; atau

7.1.2 memberi kesan signifikan kepada subjek data,

(secara kolektif, "**Ambang ADMP**").

### ***Kesan undang-undang terhadap subjek data***

7.2 Ambang ADMP dipenuhi sekiranya sesuatu proses menghasilkan keputusan yang boleh menjejaskan status atau hak perundangan subjek data. Kesan perundangan tersebut termasuklah penamatan kontrak atau hak kelayakan atau penolakan manfaat sosial yang diperuntukkan di bawah undang-undang.

### ***Kesan signifikan kepada subjek data***

7.3 Ambang ADMP dipenuhi sekiranya sesuatu proses menghasilkan keputusan yang memberi kesan signifikan kepada subjek data, yang mana ia mungkin berpotensi untuk:

7.3.1 memberikan kesan yang signifikan kepada keadaan, tingkah laku atau pilihan subjek data yang berkenaan;

7.3.2 memberikan impak yang berpanjangan atau kekal terhadap subjek data; atau

7.3.3 pada tahap yang paling ekstrem, membawa kepada penyisihan atau diskriminasi subjek data.

- 7.4 Contoh-contoh keputusan tersebut termasuk:
- 7.4.1 keputusan yang menjejaskan keadaan kewangan subjek data seperti kelayakan kredit;
  - 7.4.2 keputusan yang menjejaskan akses subjek data kepada perkhidmatan asas seperti perkhidmatan kesihatan;
  - 7.4.3 keputusan yang menafikan peluang pekerjaan kepada subjek data atau meletakkan subjek data dalam keadaan yang sangat tidak menguntungkan;
  - 7.4.4 keputusan yang mengakibatkan seorang subjek data ditawarkan harga yang lebih menguntungkan (lebih rendah) bagi sesuatu produk berbanding subjek data yang lain;
  - 7.4.5 keputusan yang menjejaskan akses subjek data kepada pendidikan seperti kemasukan ke universiti; atau
  - 7.4.6 keputusan yang mengakibatkan kemudaratan reputasi.

**Ilustrasi**

- (i) Sebuah institusi kewangan menggunakan sistem automatik sepenuhnya untuk menilai permohonan pinjaman dengan menghasilkan skor kebarangkalian yang mewakili kredibiliti kredit pemohon, berdasarkan data peribadi termasuk pendapatan, sejarah pekerjaan, rekod pembayaran balik, umur, alamat kediaman, serta data tingkah laku seperti corak perbelanjaan dan jejak digital. Permohonan yang berada di bawah ambang yang ditetapkan akan ditolak secara automatik tanpa semakan manusia.

ADM: Menentukan kelayakan kepada produk perkhidmatan kewangan.

Pemprofilan: Meramal dan membuat inferens terhadap keadaan ekonomi serta kebolehpercayaan kewangan pemohon.

Kesan ketara kepada keadaan	Penolakan kredit secara automatik berdasarkan skor kebarangkalian semata-mata.
Impak berpanjangan atau kekal	Satu penilaian automatik boleh memberi kesan jangka panjang kepada subjek data.

- (ii) Sebuah firma insurans am menggunakan sistem pemprofilan automatik sepenuhnya dalam menentukan premium insurans kesihatan berdasarkan data peribadi subjek data, seperti umur, poskod dan gaya hidup. Pendekatan ini berpotensi membawa kepada diskriminasi kumpulan dalam kalangan pemohon.

ADM: Menentukan harga premium insurans kesihatan.

Pemprofilan: Meramal dan membuat inferens tentang keadaan kesihatan serta risiko insurans pemohon.

Kesan ketara kepada keadaan	Kumpulan subjek data tertentu mungkin ditawarkan premium yang kurang menguntungkan (lebih tinggi) berbanding kumpulan lain.
Impak berpanjangan atau kekal	Keputusan pengelasan tahap ( <i>tiering</i> ) insurans boleh berlaku secara berulang dan boleh mempengaruhi akses kepada penjagaan kesihatan dari semasa ke semasa.

- (iii) Bahagian sumber manusia dalam sebuah syarikat menggunakan algoritma automatik untuk memproses data peribadi dalam memilih calon bagi temu duga fizikal. Berdasarkan penilaian automatik ini, algoritma tersebut menyusun kedudukan dan menyenarai pendek calon bagi temu duga tersebut.

ADM: Menentukan kelayakan temu duga menggunakan algoritma.

Pemprofilan: Meramal dan membuat inferens terhadap kesesuaian serta potensi prestasi calon bagi sesuatu jawatan.

Kesan ketara kepada keadaan	Penolakan secara automatik boleh menjejaskan peluang pekerjaan dan berpotensi menyumbang kepada pengangguran jangka panjang.
Impak berpanjangan atau kekal	Penilaian automatik tersebut boleh memberi kesan jangka panjang terhadap prospek kerjaya subjek data.

(iv) Sebuah platform bakat menggunakan sistem yang menjana indikator penarafan reputasi bagi mengukur kebolehpercayaan individu dalam bidang profesional, berdasarkan data peribadi seperti alamat kediaman dan data tingkah laku seperti jejak digital. Penarafan ini kemudiannya dikongsi dengan pelanggan perniagaan platform tersebut sebagai sebahagian daripada kelayakan (*credentials*) subjek data.

ADM: Menentukan kelayakan subjek data.

Pemprofilan: Meramal dan membuat inferens tahap kepakaran subjek data.

Kesan ketara kepada keadaan	Subjek data yang dinilai sebagai “tidak boleh dipercayai” mungkin mengalami kemudaratan reputasi yang boleh menjejaskan hubungan perniagaan dan profesional.
Impak berpanjangan atau kekal	Penilaian reputasi tersebut boleh berterusan dan memberi kesan jangka panjang terhadap peluang profesional subjek data.

## BAHAGIAN D: PANDUAN UMUM BERKAITAN PEMBUATAN KEPUTUSAN SECARA AUTOMATIK DAN PEMPROFILAN

### 8. ADM dan Pemprofilan yang Melibatkan Data Peribadi Sensitif

8.1 Seksyen 40 Akta 709 memperuntukkan bahawa pengawal data tidak boleh memproses apa-apa data peribadi sensitif (termasuk data biometrik) seseorang

subjek data kecuali mengikut syarat-syarat tertentu. Syarat-syarat tersebut termasuklah keadaan di mana subjek data telah memberikan persetujuan secara nyata terhadap pemrosesan tersebut atau di mana pemrosesan adalah perlu dalam keadaan tertentu yang dinyatakan di bawah subseksyen 40(1)(b) Akta 709, antaranya termasuk:

- (a) pematuhan undang-undang berkaitan pengambilan kerja;
- (b) melindungi kepentingan vital subjek data;
- (c) maksud perubatan oleh profesional penjagaan kesihatan; atau
- (d) prosiding undang-undang atau mendapatkan nasihat undang-undang.

8.2 Selain memperoleh persetujuan secara nyata terlebih dahulu, pengawal data boleh mempertimbangkan pelaksanaan langkah-langkah perlindungan yang kukuh apabila memproses data peribadi sensitif. Langkah-langkah perlindungan tersebut termasuk langkah teknikal seperti penyulitan data peribadi sensitif serta langkah organisasi seperti kawalan akses yang lebih ketat di dalam organisasi.

8.3 Konsep-konsep ini juga terpakai bagi pemrosesan data peribadi untuk ADMP.

## **9. Pematuhan kepada Prinsip Perlindungan Data Peribadi dan Hak Subjek Data di bawah Akta 709**

9.1 Walaupun Akta 709 tidak secara khusus memperuntukkan mengenai ADM atau pemprofilan, Prinsip Perlindungan Data Peribadi dan hak-hak subjek data di bawah Akta 709 hendaklah turut terpakai kepada ADM dan pemprofilan, khususnya:

9.1.1 Prinsip Notis dan Pilihan; dan

9.1.2 Penarikan balik persetujuan untuk memproses data peribadi.

### ***Prinsip Notis dan Pilihan***

9.2 Selaras dengan Prinsip Notis dan Pilihan di bawah Seksyen 7 Akta 709, seseorang Pengawal Data hendaklah, melalui notis bertulis, memaklumkan subjek data mengenai maklumat yang berkaitan pemrosesan data peribadi subjek data tersebut.

- 9.3 Sekiranya pemprosesan tersebut turut melibatkan ADM atau Pemprofilan, pengawal data hendaklah memaklumkan perkara tersebut kepada subjek data.
- 9.4 Pengawal Data boleh, melalui notis bertulis kepada subjek data, menerangkan jenis keputusan yang dibuat melalui ADM atau pemprofilan, sebab-sebab keputusan tersebut dibuat, serta kemungkinan kesan daripada keputusan tersebut. Maklumat yang diberikan hendaklah setakat yang munasabah dan praktikal, tetapi tidak perlu merangkumi apa-apa maklumat sulit, rahsia perdagangan, harta intelek, hak pemilikan atau maklumat lain yang seumpamanya.
- 9.5 Notis bertulis tersebut hendaklah mudah diakses oleh subjek data dan dikemas kini secepat yang dapat dilaksanakan selaras dengan perkembangan aktiviti-aktiviti ADMP.

#### ***Penarikan Balik Persetujuan untuk Memproses Data Peribadi***

- 9.6 Selaras dengan Seksyen 38 Akta 709, subjek data mempunyai hak untuk menarik balik persetujuan terhadap pemprosesan data peribadi melalui notis bertulis. Setelah menerima notis tersebut, Pengawal Data hendaklah menghentikan pemprosesan data peribadi tersebut.
- 9.7 Subjek data hendaklah mempunyai hak untuk menarik balik persetujuan terhadap pemprosesan data peribadi, termasuk dalam keadaan di mana pemprosesan tersebut melibatkan ADMP. Subjek data boleh menarik balik persetujuan tersebut dengan memberikan notis bertulis kepada pengawal data dan sebaik sahaja notis tersebut diterima, pengawal data hendaklah menghentikan pemprosesan data peribadi subjek data tersebut yang merangkumi ADM atau Pemprofilan.
- 9.8 Pengawal Data yang melaksanakan sistem ADMP hendaklah memastikan bahawa mekanisme dan proses yang mudah diakses, jelas dan mesra pengguna diwujudkan bagi membolehkan subjek data melaksanakan hak ini. Hak subjek data untuk menarik balik persetujuan, termasuk mekanisme dan proses yang boleh digunakan untuk melaksanakan hak tersebut, hendaklah turut dimaklumkan kepada subjek data.

## ***Kekecualian***

9.9 ADMP boleh dilaksanakan dalam keadaan-keadaan yang berikut:

9.9.1 di mana pemprosesan adalah perlu bagi maksud memasuki atau melaksanakan kontrak antara subjek data dengan pengawal data;

9.9.2 di mana ia adalah perlu bagi pematuhan undang-undang; atau

9.9.3 di mana subjek data telah memberikan persetujuan.

(secara kolektif, "**Kekecualian**").

9.10 Bagi membolehkan pengawal data bergantung kepada mana-mana Kekecualian yang dinyatakan di atas, persetujuan hendaklah diperolehi daripada subjek data bagi maksud pemprosesan data peribadi, yang mana ia juga terpakai sekiranya pemprosesan tersebut merangkumi ADMP.

9.11 Pematuhan undang-undang yang dirujuk dalam Perenggan 8.1 merangkumi rujukan kepada subseksyen 40(1)(b) Akta 709. Ini bermakna ADMP yang melibatkan data peribadi sensitif boleh dilaksanakan sekiranya mana-mana asas undang-undang yang terpakai di bawah subseksyen 40(1)(b) Akta 709 dipenuhi.

## ***Pengecualian***

9.12 Bahagian III Akta 709 menetapkan pengecualian daripada peruntukan tertentu di bawah Akta tersebut, yang mana ia juga terpakai bagi pemprosesan data peribadi yang melibatkan ADMP (secara kolektif dirujuk sebagai "**Pengecualian**").

## **BAHAGIAN E: PENERIMAGUNAAN KECERDASAN BUATAN DALAM PEMBUATAN KEPUTUSAN SECARA AUTOMATIK DAN PEMPROFILAN**

### **10. Kecerdasan Buatan**

- 10.1 Perlu diambil perhatian bahawa tidak semua pemprosesan data peribadi yang melibatkan ADM atau pemprofilan menggunakan Kecerdasan Buatan, termasuk Kecerdasan Buatan Generatif ("AI"). Garis Panduan ini hanya terpakai sekiranya AI digunakan bagi pemprosesan data peribadi yang melibatkan ADMP.
- 10.2 Pengawal data boleh menerapkan amalan terbaik bagi penggunaan AI dalam ADMP seperti berikut:
- 10.2.1 mengenal pasti objektif komersial penggunaan AI serta menilai risiko yang berkaitan terhadap proses membuat keputusan organisasi sebelum pelaksanaan AI;
  - 10.2.2 menggunakan AI bagi tujuan pemprofilan dengan cara yang menghormati maruah subjek data, memastikan ketepatan output, mengakui batasan AI, mengambil kira semua potensi kesan buruk serta mengehadkan penggunaan AI hanya kepada tujuan yang ditetapkan;
  - 10.2.3 memaklumkan kepada subjek data mengenai penggunaan AI dalam pemprosesan data peribadi yang melibatkan ADMP semasa memberikan notis perlindungan data peribadi atau notis privasi berkenaan pemprosesan tersebut. Pengawal data boleh mempertimbangkan skop penjelasan mengenai penggunaan AI dalam notis tersebut supaya ia tidak terlalu panjang atau terlampau teknikal bagi subjek data;
  - 10.2.4 mempertimbangkan dan melaksanakan langkah-langkah yang bersesuaian untuk mengurangkan risiko kebergantungan berlebihan terhadap sistem atau perkhidmatan AI semasa membangun, membekal atau menggunakan AI bagi ADMP;

- 10.2.5 memberikan latihan yang bersesuaian kepada kakitangan yang berkaitan, terutamanya dalam penilaian risiko, pengawasan pematuhan, keperluan kawal selia serta pengurusan subjek data bagi memastikan pemahaman dan pengetahuan yang mencukupi mengenai operasi dan batasan AI;
- 10.2.6 AI tidak boleh dijadikan sebagai satu-satunya faktor dalam merangka dasar dan/atau membuat keputusan yang berkaitan dengan subjek data; dan
- 10.2.7 kakitangan yang relevan boleh dilantik sebagai penyemak bagi penggunaan AI dalam ADMP. Dengan latihan yang bersesuaian, penyemak tersebut hendaklah proaktif, bermatlamat, berautoriti dan kompeten dalam menilai serta mentafsir penggunaan AI.